



PENARIKAN SEMULA LARANGAN PENGIMPORAN KERATAN DAGING AYAM DARIPADA NEGARA CHINA

1. Malaysia telah menggantung pengimportan keratan ayam daging daripada Shandong, China sejak 23 April 2013 susulan wabak influenza virus H7N9 yang melanda negara China.

Sepanjang tempoh penggantungan pengimportan keratan daging ayam daripada Shandong, China, DVS memantau situasi wabak virus influenza H7N9 di China serta menjalankan penilaian risiko berasaskan laporan pihak AQSIQ China serta laporan badan antarabangsa seperti WHO dan OIE.

Hasil penilaian risiko mendapati wabak virus influenza H7N9 di China telah terkawal dan tiada kaitan epidemiologi dengan ladang ternakan ayam komersil di China, khususnya di Provinsi Shandong yang membekal keratan daging ayam ke Malaysia. Sehubungan itu, DVS dengan persetujuan Y.B Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani telah membenarkan semula pengimportan keratan daging ayam daripada loji-loji penyembelihan dan pemprosesan ayam di Shandong, China bermula pada **17hb Julai 2013**.

Bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga kepada risiko influenza virus H7N9, pengimportan keratan daging ayam daripada Shandong, China masih tertakluk kepada syarat-syarat berikut;

- a) Semua konsainmen import keratan daging ayam daripada Shandong, China tertakluk kepada prosedur "**Tahan-Uji-Lepas**" (*Hold-Test-Release*) di mana setiap kontena yang sampai di pintu



-
- masuk pelabuhan di Malaysia akan ditahan, dijalankan pemeriksaan dan pengambilan sampel untuk ujian makmal.
- b) Pengujian makmal adalah melibatkan proses pengasingan dan pengenalpastian influenza virus.
 - c) Kontena import keratan daging ayam tersebut akan hanya dilepaskan masuk setelah ujian makmal menunjukkan negatif kepada kehadiran influenza virus.
2. Pemantauan dan surveilan untuk influenza virus di premis-premis berisiko di seluruh negara masih diteruskan. Walaubagaimanapun, pemantauan dan surveilan yang telah dijalankan mendapati kesemua sampel unggas dan ayam yang diuji untuk mengesan influenza virus adalah negatif. Sehingga kini, negara adalah bebas jangkitan influenza virus H7N9.

Disediakan oleh :
Seksyen Epidemiologi dan Survelan
Bahagian Pengurusan Biosekuriti dan SPS,
Jabatan Perkhidmatan Veterinar
Putrajaya
www.dvs.gov.my